

'Teroka bidang baru'

BH-15/2/2007

TPM mahu firma tempatan perluas niaga ke peringkat global

Oleh Azman Zakaria


KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mahu syarikat tempatan mengenal pasti bidang baru yang kemudian diterokai secara agresif sehingga mampu menapak ke pentas antarabangsa.

Timbalan Perdana Menteri berkata, mereka tidak seharusnya terikat untuk menjalankan perniagaan dalam negara semata-mata, sebaliknya perlu menjadi pemain peringkat global.

"Perlu ada visi, semangat dan ke-sungguhan untuk berjaya pada peringkat antarabangsa... dengan melakukannya anda akan juga meletakkan nama Malaysia pada peringkat dunia," katanya pada majlis meraikan kejayaan syarikat Malaysia, IGD Holding Limited menyenaraikan landasan perdagangan emas antarabangsa Gold for Gold (GforG) di Bursa Saham Australia pada 9 Februari lalu, di sini, malam tadi.

Katanya, sebagai landasan perdagangan emas antarabangsa dalam talian, GforG membolehkan pengguna, broker serta pelabur membeli dan menjual emas di mana-mana tempat di dunia, sama ada di Lembaga Perdagangan Chicago (CBOT), COMEX, LOCO London atau Hong Kong.

Beliau berkata, kejayaan penyena-riaan itu menandakan satu lagi kejayaan Malaysia dalam arena antarabangsa.



TERTARIK: Najib (dua dari kiri) melihat pameran Syiling Dinar sambil diperhatikan Ketua Pegawai Eksekutif IGD Holding Ltd, Datuk Dr Shamshudeen Yunus, di Kuala Lumpur, malam tadi.

"Sejak sekian lama, emas adalah komoditi yang menguntungkan dalam perdagangan antarabangsa. Penyenaraian ini adalah langkah berani syarikat negara untuk merealisasikan wawasan Malaysia menjadi

pemain global," katanya.

Beliau juga berkata, pembelian dinar emas dan perak adalah pendekatan alternatif bagi merancang pengurusan kekayaan.

Bukan seperti mata wang yang ber-

depan inflasi sepanjang masa, Najib berkata, nilai emas amat stabil dan adalah cara berkesan melindungi kekayaan seseorang daripada inflasi dan krisis kewangan atau mata wang.